

29/10/2000

Jawatan Hisham jadi pertaruhan

Hussain Said

SEANDAINYA ditakdirkan Kuala Lumpur gagal dalam memenangi hak tuan rumah Sukan Asia 2006, Datuk Hishammuddin Hussein menyerahkan kedudukannya selaku Menteri Belia dan Sukan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Soal jawatan saya (jika gagal memenangi hak tuan rumah Sukan Asia 2006), itu terpulang kepada Perdana Menteri (Dr Mahathir) menentukan.

"Tugas dan tanggungjawab saya selaku Menteri Belia dan Sukan, bukan saja terhadap Sukan Asia 2006, tetapi meliputi tugas-tugas lain termasuk program rakan muda, belia dan pembangunan sukan itu sendiri.

"Kita memberi tumpuan utama kepada Sukan Asia 2006 dan sudah melakukan segala pendekatan dan pelaksanaan dalam kempen untuk mendapatkan hak temasya berprestij itu.

"Malah, kita akan berusaha sehingga malam terakhir sebelum proses pengundian sulit dijalankan. Jadi, terpulang kepada 42 anggota Majlis Olimpik Asia (OCA) membuat pemilihan," katanya selepas majlis penyerahan tajaan dan borang penyertaan 'Larian Rakyat 2006' di Kelab Perdana, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Bahagian Sukan Kementerian Belia dan Sukan, Fathul Radzi Bakri dan wakil-wakil penaja.

Sejak mengambil alih tugas Menteri Belia dan Sukan daripada Tan Sri Muhyiddin Yassin, Disember lalu, Hishammuddin dikatakan gagal membuktikan keupayaan sebenarnya mengetuai kementerian itu.

Dakwaan itu berikutan kegagalan skuad badminton negara memenangi Piala Thomas, biarpun sebelum pertandingan di Stadium Putra Mei lalu, peminat sering disogok bahawa skuad negara mampu menjulang piala keagungan itu.

Terbaru, kegagalan dalam Sukan Olimpik Sydney, apabila kekuatan kontingen terbesar dalam sejarah yang diketuai chef de mission, Datuk Seri P Alagendra yang juga Timbalan Presiden Hoki Malaysia (PHM), pulang dengan tangan kosong.

Lebih memeranjatkan, Hishammuddin mempertahankan kegagalan itu di sebalik rasa hampa serta kecewa di kalangan peminat sukan negara.

Kini, Sukan Asia 2006 adalah cabaran terbaru buat Hishammuddin dan ramai beranggapan jawatannya menjadi pertaruhan.

Terdahulu, Kuala Lumpur akan berdepan cabaran tiga lagi bandaraya - Doha (Qatar), New Delhi (India) dan Hong Kong - dalam perebutan hak tuan rumah temasya berprestij itu.

Namun, nasib keempat-empat calon itu akan ditentukan oleh 42 kerabat OCA yang akan mengundi sempena perhimpunan agung badan induk itu di Pusan, Korea Selatan 12 November nanti.

Menurut Hishammuddin, dia berharap tidak ada pihak yang menuding jari dan mengambil kesempatan sekiranya Kuala Lumpur gagal memenangi hak tuan rumah temasya berprestij itu.

"Kita tidak mahu ada pihak menuding jari. Apa yang penting dalam tempoh tiga minggu sebelum pemilihan temasya itu, sekiranya ada pihak menyedari dan melihat kempen yang dilakukan tidak sempurna, mereka harus memaklumkan.

"Ini penting bagi memastikan kita mengatasinya sekali gus memenangi hak tuan rumah temasya itu. Kejayaan yang dicapai nanti adalah kejayaan bersama," tambahnya.

Mengenai kekecewaan kerajaan dalam Sukan Olimpik Sydney sebagaimana yang diperkatakan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin ketika membentangkan

Belanjawan 2001 di Dewan Rakyat kelmarin, Hishammuddin masih mempertahankan kegagalan itu.

"Kita harus melihat daripada pelbagai sudut. Bagi, melahirkan atlit bergelar juara termasuk memenangi pingat dalam Sukan Olimpik bukan perkara mudah. Ia bukan memerlukan persiapan satu atau dua tahun tetapi enam hingga lapan tahun.

"Kita harus belajar daripada situ dan berharap program enam tahun menjelang Sukan Asia 2006 mampu membuahkan hasil. Kita harap, persatuan sukan juga kurang bertelagah sebaliknya menjuruskan tumpuan terhadap usaha itu," katanya.

(END)